

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

ZSC 310 - Kaedah Matematik III

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **LIMA** soalan. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Terangkan secara ringkas bagaimana perhubungan jadi semula bagi polinomial Legendre seperti

$$(1 - x^2)P'_n(x) = nP_{n-1}(x) - nxP_n(x)$$

diterbitkan.

(20/100)

- (b) Sesuatu titisan cecair sferaan yang bolehcangga mempunyai permukaan tercangga yang diberikan oleh

$$r = r_0[1 + \beta P_2(\cos\theta)]$$

- (i) Tunjukkan unsur luas permukaan sfera tercangga berbentuk

$$dA = [r^2 + (\frac{dr}{d\theta})^2]^{\frac{1}{2}} r \sin\theta d\theta d\phi$$

- (ii) Dapatkan luas permukaan sfera tercangga sehingga tertib β^2 .

(40/100)

- (c) Bincangkan secara am masalah kuantum osilator harmonik isotropik 3 dimensi daripada pandangan kaedah matematik. Ulaskan tentang keputusan-keputusan yang dijangka.

(40/100)

2. Gelombang elektromagnet yang terkurung di dalam rongga yang didirikan daripada dua silinder sepusat, berpanjang L dan masing-masing berjejari $\rho = a$ dan $\rho = b$, $b > a$, berosilasi dengan persandaran terhadap masa seperti $e^{i\omega t}$.

- (a) Daripada persamaan gelombang tunjukkan komponen z medan elektrik (E_z , bahagian ruangan sahaja) mematuhi persamaan Helmholtz

$$\nabla^2 E_z + \alpha^2 E_z = 0; \quad \alpha^2 = \omega^2 \epsilon_0 \mu_0$$

(20/100)

- (b) Pisahkan persamaan Helmholtz di dalam koordinat silinderan dan dapatkan penyelesaian amnya.

(40/100)

- (c) Terangkan dengan teliti bagaimana daripada syarat sempadan yang wajar frekuensi osilasi dapat diperolehi.

(40/100)

3. Penyelesaian bagi osilator harmonik kuantum linear berbentuk

$$\psi_n(x) = \left(\frac{\alpha}{\sqrt{\pi} n! 2}\right)^{\frac{1}{2}} H_n(\alpha x) e^{-\frac{1}{2}\alpha^2 x^2}$$

$$E_n = (n + \frac{1}{2})\hbar\omega$$

$$\text{di mana } \alpha^2 = m\omega/\hbar.$$

- (a) Berikan maksud segala sebutan di dalam penyelesaian dan terangkan secara kualitatif bagaimana setiap sebutan itu terhasil.

(40/100)

- (b) Terbitkan secara lengkap penyelesaian osilator harmonik kuantum tiga dimensi yang isotropik.

(40/100)

- (c) Bincangkan peranan harmoniks sferaan di dalam masalah osilator harmonik kuantum tiga dimensi yang isotropik jika sistem koordinat sferaan digunakan.

(20/100)

4. Seutas benang, berpanjang ℓ , bergetar di dalam bahantara dan mengalami daya geseran yang bersandar kepada halaju y_t . Persamaan gerakan ialah

$$v^2 y_{xx} = y_{tt} + a y_t$$

$$\text{di mana } a \text{ adalah pemalar dan bernilai } 0 < a < 2\pi v/\ell.$$

.../3

(a) Selesaikan masalah tertakluk kepada syarat

$$y(0,t) = y(l,t) = 0$$

$y(x,0) = F(x)$, $F(x)$ ialah fungsi yang diketahui

$$y_t(x,0) = 0.$$

(60/100)

(b) Ulaskan secara kualitatif kesan sebutan lembapan ay_t .

(20/100)

(c) Jika benang itu terganding dengan seutas benang lain yang berat secara harmonik (misalnya gandingan dicapai melalui spring). Tuliskan persamaan gerakan benang itu di dalam satah dua benang itu.

(20/100)

5. (a) Sesuatu gelombang berkala diwakili oleh

$$y(x) = \begin{cases} -x, & -\pi < x < 0 \\ x, & 0 < x < \pi \end{cases}$$

(i) Lakarkan gelombang.

(ii) Dapatkan perwakilan Fouriernya.

(iii) Tunjukkan

$$\sum_{n=1}^{\infty} \frac{1}{(2n-1)^2} = \frac{\pi^2}{8}$$

(50/100)

(b) Konvolusi $g(\tau)$ bagi dua fungsi $f_1(x)$ dan $f_2(x)$ diberikan oleh

$$g(\tau) = f_1(x)*f_2(x) = \int_{-\infty}^{\infty} f_1(x)f_2(\tau-x)dx$$

(i) Terangkan maksud fizikal konvolusi dan ulaskan tentang pentingnya di dalam teori transform Fourier.

.../4

(ii) Dapatkan (plotkan) $g(\tau)$ jika

$$f_1(x) = x[1 - H(x - 1)]$$

$$f_2(x) = H(x + 1) - H(x - 3)$$

di mana $H(x)$ ialah fungsi Heaviside.

(50/100)

-ooooOooo-